

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 6, Bil 1, Halaman 1-7

Cabaran Pelaksanaan Kelas Qiraat dalam Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Kelantan

The Challenge of Implementing Qiraat Class in Special Classes for Reading and Memorizing Al-Quran (KKQ) in Kelantan

Sharifah Noorhidayah Syed Aziz ^{1*}, Norhasanah Mohd Yusoff,² & Nur Wadihah Asri³

^{1&2} Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor.

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600, Selangor

* Corresponding Author: Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, e-mail sha.noorhidayah@gmail.com, 011-11930208, ORCID iD. <https://orcid.org/0000-0002-5770-4004>

ABSTRACT

In Malaysia, the field of Qiraat studies is growing and is starting to be formally implemented in secondary schools and higher education institutions. At the secondary school level, the study of Qiraat is implemented through the Al-Quran Reading and Memorization Skills Class (KKQ). This development is a good effort, but based on the review of previous studies, the achievement for the subject of Qiraat is at a moderate level. Therefore, this study was conducted to examine the challenges of implementing the Qiraat class for the Quran reading and memorization skills class (KKQ). This study is a qualitative study using a case study approach. Data collection information was collected through interviews with five students and periodic observations. Then the data was analyzed descriptively. The results of the study found that the implementation of the Qiraat KKQ class needs to be continued so that the achievement of the Qiraat subject can be improved. Based on the achievements of students in the subject of Qiraat, it shows that students cannot master the subject of Qiraat due to several factors, namely lack of interest in the subject of Qiraat, limited learning time and lack of teaching aids. Therefore, all parties including the school, teachers and parents need to unite so that the implementation of the Qiraat class runs smoothly and can help students master the subject of Qiraat with excellence.

Keywords

Execute, Qiraat, Reading and Memorization Skills Class (KKQ)



ABSTRAK

Di Malaysia, bidang pengajian Qiraat semakin berkembang dan mula dilaksanakan secara formal di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Di peringkat sekolah menengah, pengajian Qiraat diterapkan menerusi Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ). Perkembangan ini merupakan satu usaha yang baik, namun berdasarkan tinjauan kajian lepas, pencapaian bagi subjek Qiraat pada tahap yang sederhana. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran pelaksanaan kelas Qiraat bagi kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ). Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Pengumpulan data maklumat dikumpul melalui temubual terhadap lima orang pelajar dan pemerhatian secara berkala. Kemudian data tersebut dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati pelaksanaan kelas Qiraat KKQ perlu diteruskan agar pencapaian subjek Qiraat dapat dipertingkatkan. Berdasarkan pencapaian yang diperoleh pelajar dalam subjek Qiraat menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai subjek Qiraat atas beberapa faktor iaitu kurang minat terhadap subjek Qiraat, masa pembelajaran yang terhad dan kekurangan alat bantu mengajar. Oleh yang demikian, semua terpihak termasuk pihak sekolah, guru dan ibu bapa perlu bersatu padu agar perjalanan pelaksanaan kelas Qiraat berjalan lancar dan dapat membantu pelajar menguasai subjek Qiraat dengan cemerlang.

Keywords

Pelaksanaan, Qiraat, Sekolah Menengah, KKQ.

1.0 PENGENALAN

Pengajian ilmu Qiraat dilihat semakin berkembang sejak beberapa dekad yang lalu (Muhammad Hafiz 2010). Buktinya boleh dilihat menerusi penawaran kursus di institusi pengajian tinggi awam dan swasta terhadap kursus-kursus berkaitan pengajian ilmu Qiraat. Oleh disebabkan sambutan yang menggalakkan, pengajian ilmu Qiraat mula dilaksanakan di sekolah menengah menerusi Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ).

Berdasarkan unjuran pencapaian pelajar yang diperoleh dari Sektor Pendidikan Islam (SPI) di Jabatan Pendidikan Negeri Perak pada tahun 2012, ujian lisan (syafawi) Peperiksaan KKQ tingkatan tiga bagi mata pelajaran Qiraat al-Sab'ie menunjukkan bahawa pencapaian pelajar adalah pada tahap sederhana. Peratusan yang mendapat gred A adalah 20.40% dan sebanyak 79.6% mendapat gred B, C, D dan E. Ini menunjukkan bahawa kemampuan pelajar dalam menguasai al-Quran masih berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan data pencapaian subjek Qiraat sesi tahun 2017 dan 2018 pelajar KKQ di Sekolah Menengah Tanah Merah 1 di Kelantan pula, data menunjukkan pencapaian subjek Qiraat menurun pada tahun 2018 yang mana hanya terdapat seorang pelajar yang mendapat cemerlang pangkat A berbanding tahun 2017 iaitu seramai 5 orang. Terdapat juga pelajar yang gagal subjek Qiraat dengan memperoleh pangkat E (Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, 2017, 2018).

Kegagalan ini bukan hanya disebabkan oleh faktor kelemahan tenaga pengajar tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti masalah-masalah yang berpunca daripada pelajar, persekitaran dan sebagainya. Keputusan pencapaian subjek Qiraat ini menunjukkan bahawa penambahbaikan perlu dijalankan oleh pihak yang terlibat untuk mengekalkan kelangsungan mata pelajaran Qiraat al-Sab'ie KKQ di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Antara permasalahan yang dapat dikenalpasti adalah pelajar kurang berminat dengan ilmu Qiraat. Pelajar beranggapan ilmu Qiraat ini tidak berkait secara langsung dengan kehidupan seharian seperti bidang feqah dan akidah (Muhammad Hafiz 2010). Faktor kelemahan Qiraat al-Sab'ie dalam KKQ ini juga kelemahan pelajar sendiri dan guru tidak memiliki pengetahuan secukupnya dalam Qiraat al-Sab'ie. (Ahmad Junaidi, 2018). Faktor lain yang dikenalpasti adalah tempoh pembelajaran subjek Qiraat terhad dan penggunaan isitilah (terminologi) yang baru didengari dan jarang digunakan turut menjadi satu kesukaran kepada pelajar. Maka, pelajar sukar memahami dan menguasai ilmu Qiraat dengan baik. (Muhammad Hafiz 2010).

2.0 KELAS KHAS KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENGHAFAZ AL-QURAN (KKQ)

Kelas Khas Kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) telah dilaksanakan sejak tahun 1986 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan SMK (Kelas Aliran Agama) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). Ia merupakan salah satu dari aktiviti kokurikulum di SMKA



dan SMK (Kelas Aliran Agama). Sebanyak 130 buah sekolah di Malaysia telah diwujudkan Kelas Aliran Agama di Sekolah Menengah harian biasa (Ahmad Junaidi 2018). Pelaksanaan KKQ terus berkembang dengan pelaksanaan di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). KKQ ditawarkan di seluruh sekolah SMKA, SMK (Kelas Aliran Agama), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

KKQ merupakan aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan selama tiga jam seminggu bagi setiap tingkatan mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan. KKQ dilaksanakan luar jadual waktu rasmi persekolahan disebabkan status sebagai aktiviti kokurikulum persekolahan. Kehadiran mereka di dalam kelas diambil kira dan dinilai sebagai kehadiran aktiviti kokurikulum. Walaupun kelas KKQ merupakan sebahagian aktiviti kokurikulum, namun pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran perlu mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Sukatan bagi KKQ adalah terdiri dari subjek Tajwid, hafazan, ulum al-Quran, tarannum dan Qiraat al-Sab'ie. (Eadil, 2010; Ahmad Junaidi 2018).

Bilangan pelajar dalam setiap kelas KKQ tidak melebihi 20 orang. Hal ini untuk membolehkan guru memberi tumpuan kepada setiap pelajar secara individu dan memudahkan aktiviti latih tubi secara praktikal. Pemilihan pelajar ke dalam KKQ juga dipilih dari pelajar yang lancar bacaan al-Quran kerana sukatan pelajaran KKQ yang tinggi.

3.0 KELAS QIRAAT KKQ

Kelas Qiraat KKQ ini diwujudkan untuk memberi pendedahan awal mengenai pengajian ilmu Qiraat kepada pelajar-pelajar yang akan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Matlamat kelas Qiraat KKQ adalah untuk pelajar mengetahui dan dapat membezakan wajah Qiraat Sab'ie dengan tepat dan betul. Pengajian ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah adalah penting agar pelajar dapat mendalami sebutan kalimah-kalimah al-Quran dapat dibaca dan dialunkan tanpa sebarang kesalahan malah menepati garis panduan yang bersandarkan kepada sanad yang sahih (Mohd Asri 2018).

KKQ ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang mahir dalam bidang al-Quran dan Qiraat. Kelas KKQ ini merupakan satu usaha yang baik untuk menarik lebih ramai pelajar mendalami ilmu Qiraat. Kesannya, semakin bertambah bilangan pelajar yang mendalami ilmu Qiraat. Sukatan subjek Qiraat meliputi asas Qirat, istilah-istilah Qiraat yang digunakan dan praktikal Qiraat (Qiraat amali) berdasarkan surah yang telah ditetapkan berdasarkan sukatan KKQ.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, kajian ini dijalankan bagi:

- (1) Mengkaji cabaran pelaksanaan kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) di Kelantan

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik terhadap satu unit sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu sekolah atau satu masyarakat (Mohd Majid, 1998). Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk pengkaji bertemu secara langsung dengan responden sekaligus memahami apa yang berlaku menerusi interaksi dan komunikasi dua hala. Temubual dijalankan terhadap lima orang pelajar yang menyertai kelas Kemahiran dan al-Quran (KKQ) di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah1 Kelantan untuk mendapatkan data secara langsung dan lebih mendalam. Data temubual yang diperoleh, ditranskripsi dan kemudian dianalisis secara tematik.



6.0 CABARAN PELAKSANAAN KELAS QIRAAT KKQ DI KELANTAN

Hasil dari temubual yang dijalankan terhadap pelajar, dapat dirumuskan bahawa terdapat lima cabaran yang ditemui dalam melaksanakan kelas Qiraat KKQ di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1, Kelantan. Antara cabaran yang ditemui adalah pelajar kurang minat terhadap ilmu Qiraat, tempoh masa pembelajaran Qiraat yang terhad, kekurangan alat bantu mengajar, bentuk penilaian KKQ dan kesukaran dalam mengingat istilah Qiraat.

6.1 Kurang minat terhadap ilmu Qiraat

Ilmu Qiraat merupakan satu bidang baru bagi pelajar sekolah menengah. Sebelum subjek Qiraat dilaksanakan di peringkat sekolah menengah menerusi kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ), subjek Qiraat hanya wujud di peringkat pengajian tinggi dan tiada penawaran kursus Qiraat di Malaysia. Pelajar yang ingin mendalami ilmu Qiraat, kebanyakan menyambung pelajaran di luar negara seperti Mesir dan Morocco. Apabila ditemui satu permasalahan pelajar pengajian tinggi mengalami kesukaran dalam mempelajari ilmu Qiraat, kerajaan mengambil satu inisiatif untuk mengadakan Kelas Qiraat di bawah pelaksanaan KKQ di sekolah-sekolah yang menawarkan Kelas Kemahiran Al-Quran (KAA).

Maka, bidang ini merupakan satu bidang yang agak baru berbanding dengan bidang pengajian Islam yang lain. Oleh itu, untuk melaksanakan kelas Qiraat ini, minat untuk mendalami ilmu ini sangat perlu dititikberatkan dan dipandang serius. Minat merupakan salah satu cabaran yang boleh mempengaruhi pembelajaran seseorang (Ahmad Junaidi, 2018). Sekiranya pelajar tiada minat dalam belajar, pelajar mudah hilang tumpuan di dalam kelas, mudah merasa bosan dan sukar untuk mereka menguasai subjek yang diajar oleh guru.

Permasalahan utama yang ditemui dalam pembelajaran Qiraat ini, pelajar sukar menguasai ilmu Qiraat diperingkat KKQ adalah kerana pelajar kurang minat terhadap ilmu Qiraat. Dalam KKQ, pelajar juga ditawarkan dengan sukatan pelajaran lain seperti Tajwid, Tarannum dan Ulum al-Quran, namun berdasarkan temubual terhadap pelajar, subjek Qiraat yang paling tidak diminati. Berdasarkan hasil dapatan temubual yang dijalankan, pelajar lebih menggemari subjek hafazan, ilmu tajwid dan tarannum.

6.2 Tempoh masa pembelajaran yang terhad

Ketidakhafahaman pelajar terhadap ilmu Qiraat juga adalah disebabkan tempoh pembelajaran yang terhad. Berdasarkan temubual yang dijalankan, pelajar mengatakan ketidakhafahaman terhadap ilmu Qiraat adalah disebabkan tempoh masa yang singkat. Kelas hanya dijalankan 2 jam setiap minggu sahaja. Namun subjek yang ditawarkan dalam kelas KKQ bukan hanya subjek Qiraat sahaja, malah terdapat subjek lain seperti hafazan, tajwid, tarannum dan ulum al-Quran yang perlu dikuasai pelajar. Kelas KKQ hanya dilaksanakan 30 minit bagi setiap subjek dan satu hari kelas berlangsung hanya satu subjek sahaja, maka pelajar KKQ hanya belajar Qiraat satu sesi sahaja dalam seminggu.

Berdasarkan temubual yang dijalankan terhadap pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 Kelantan, mengatakan bahawa pertembungan kelas KKQ dengan aktiviti lain seperti sukan, kelas tambahan dan program-program sekolah yang lain menjadi salah satu faktor yang menyebabkan perjalanan kelas KKQ tidak dapat dijalankan dengan lancar.

Berikut merupakan contoh jadual kelas seorang guru yang mengajar kelas KKQ (Qiraat) di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1, Kelantan

Jadual 1: Jadual Kelas KKQ (Qiraat)

Waktu	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis
1			2.40- 3.10 KKQ-1 Hafazan	



2			3.10- 3.40 KKQ-2 Ilmu Tajwid	
3			3.40- 4.10 KKQ-3 Tarannum	
4			4.10-4.40 KKQ-4 Qiraat	

Jadual kelas di atas menunjukkan bahawa ketetapan masa yang diperuntukkan bagi kelas KKQ. Kelas KKQ hanya dijalankan pada hari Rabu bermula dari jam 2.40 petang hingga 4.40 petang. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk pelajar belajar Qiraat pada jam 4.10 petang hingga 4.40 petang dan hanya 30 minit setiap minggu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa masa yang diperuntukkan amat singkat untuk pelajar memahami dan mengingat subjek Qiraat dan atas faktor 4 subjek yang perlu dikuasai dalam masa 2 jam sangat membebaskan pelajar.

Hal ini perlu diberi perhatian supaya kelas tersebut dapat berjalan dengan lancar dan lebih teratur. Pertembungan dengan aktiviti lain seperti sukan, kelas tambahan dan seumpamanya hendaklah dielakkan bertembung agar pelajar dapat memasuki kelas KKQ.

6.3 Kekurangan Penggunaan Alat Bantu Mengajar

Hasil dari temubual yang dijalankan, penggunaan alat bantu mengajar digunakan semasa sesi penggunaan alat bantu mengajar yang sering digunakan adalah tayangan video dan pembentangan slide, tetapi hanya sebahagian kelas sahaja. Penggunaan alat bantu mengajar lebih banyak digunakan ketika kelas tarannum.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh, dengan masa 30 minit pelajar di dalam kelas, guru kurang menggunakan alat bantu mengajar secara optima dalam sesi pengajaran kelas Qiraat. Kebanyakan pelajar hanya dibekalkan dengan nota subjek Qiraat sahaja. Alat bantu mengajar yang sering digunakan dalam kelas seperti video berkaitan topik pengajaran dan pembentangan *slides*. Akan tetapi jika tayangan video hanya mengambil masa 10 minit dari waktu kelas dan diselitkan dengan penerangan dan huraian berdasarkan topik yang dipelajari pada hari tersebut. Hasil temubual yang dijalankan, kekurangan penggunaan alat bantu mengajar ini adalah berkaitan dengan ketidakcukupan masa yang diperuntukkan untuk KKQ hanya 30 minit, sedangkan untuk seseorang memahami berkaitan subjek Qiraat memerlukan masa yang agak panjang untuk guru memberi kefahaman kepada pelajar. Hal ini menunjukkan faktor kesuntukan masa juga mempengaruhi penggunaan alat bantu mengajar dalam kelas Qiraat KKQ.

6.4 Bentuk Penilaian KKQ

Hasil dari maklumat yang diterima, peperiksaan KKQ dilaksanakan dalam bentuk lisan, subjektif dan objektif (aneka pilihan). Soalan disediakan oleh pihak jawatankuasa khas Kementerian Pendidikan Malaysia (Eadil, 2010). Peperiksaan lisan dilaksanakan oleh guru yang mengajar mengikut panduan yang telah ditentukan. Panduan dan format ujian dihantar kepada guru yang terlibat. Markah yang telah siap dihantar semula kepada pihak kementerian untuk disatukan dengan markah peperiksaan objektif. Peperiksaan objektif pula dijalankan serentak seluruh negara. Skrip jawapan pelajar dihantar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diperiksa dan diberi markah (Eadil 2010). Peperiksaan hanya dijalankan bagi pelajar tingkatan tiga sahaja, pelajar tingkatan 1 dan 2 tidak mengambil sebarang peperiksaan dan pelajar yang lulus dianugerahkan sijil (Temubual pelajar 2022).

Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan, kebanyakan pelajar jelas dengan bentuk penilaian yang dilaksanakan. Akan tetapi, atas faktor lemah dalam Qiraat amali iaitu untuk menjawab secara lisan cara bacaan yang disoal menyebabkan pelajar mendapat keputusan yang kurang memberangsangkan. Kebiasaannya, soalan lisan memerlukan pelajar memahami dan yakin melafazkan kalimah mengikut kaedah Qiraat yang telah dipelajari sebelum ini.

Faktor lain yang menjadi cabaran juga adalah peperiksaan hanya dijalankan kepada pelajar tingkatan tiga sahaja dan pelajar tingkatan satu dan dua tidak perlu mengambil peperiksaan. Faktor ini menyebabkan pelajar tidak



mengambil perhatian untuk mengulangkaji subjek Qiraat. Maka, apabila tiba masa untuk menduduki peperiksaan, pelajar tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengulangkaji dan menguasai kesemua tajuk yang dipelajari dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

6.5 Kesukaran mengingat istilah (terminologi) Qiraat yang baru didengari dan jarang digunakan.

Ilmu Qiraat di Malaysia telah wujud pada tahun 1966 dengan penubuhan Kelas Menghafaz Al-Quran di Masjid Negara yang kini dikenali dengan nama Darul Quran (Nordin, 2015). Ilmu Qiraat telah wujud sebelum ini, namun bukan secara meluas. Pada ketika itu, sesiapa yang membaca Qiraat dianggap salah kerana tiada pendedahan berkaitan ilmu Qiraat (Mohd Rahim Jusoh 2001).

Realitinya di Malaysia, subjek berkaitan ilmu Qiraat tidak ditawarkan kepada pelajar sekolah menengah melainkan dalam bidang pengkhususan Qiraat pada peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Maka pelajar yang memasuki bidang pengkhususan Qiraat mengalami masalah yang sama iaitu sukar mengingat istilah dalam ilmu Qiraat kerana tiada asas dan jarang digunakan dalam kalangan masyarakat awam. Di peringkat sekolah menengah, dengan tertubuhnya kelas kemahiran membaca dan menghafaz (KKQ) juga pada awalnya mengalami masalah yang sama. Tambahan pula, masa yang diperuntukkan untuk subjek dalam KKQ hanya 30 minit sahaja setiap minggu.

Berdasarkan hasil dapatan temubual yang dijalankan, antara istilah yang sukar diingati dan difahami antaranya ialah *Ithbat*, *Hazf*, *Silah Mim Jama'*, *Idgham Kabir*, *Qasr*, *Tawassut*, *Ishba'*, *Ishmam*, *Naql*, *Saktah*, *Imalah*, *Taqlil*, *Tarqiq* dan *Tafkhim Ra'*, *Taghliz La* dan *Tahqiq*. Hasil dapatan, pelajar sering tertukar dan keliru untuk mengingat istilah-istilah tersebut dan bagaimana cara melafazkan sebutan untuk kaedah-kaedah tersebut. Tambahan pula, peruntukan masa kelas yang singkat dan hanya sekali seminggu menyebabkan pelajar sukar mengingat dan menyimpan memori tersebut terlalu lama.

7.0 Kesimpulan

Oleh itu, dalam usaha melahirkan pelajar yang berpengetahuan dalam ilmu Qiraat, didapati bahawa minat, kefahaman dari sudut penggunaan istilah Qiraat, alat bantu pembelajaran dan tempoh pembelajaran merupakan elemen-elemen yang perlu dititikberatkan dan diberi perhatian dalam melaksanakan kelas Qiraat dalam kelas kemahiran dan al-Quran KKQ. Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai subjek Qiraat ini perlu diberi perhatian oleh pihak terbabit dalam memberi penambahbaikan agar subjek Qiraat yang ditawarkan dalam kelas KKQ semakin meningkat dan menarik lebih ramai pelajar yang berminat untuk menyambung ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi menarik minat pelajar dalam memahami subjek Qiraat, guru perlu lebih kreatif bagi menggunakan 30 minit masa yang diperuntukkan untuk mengoptimalkan penggunaan alat bantu mengajar di dalam kelas. Sebagai contoh, guru boleh membuat aktiviti berkumpulan seperti *games* ringkas berkaitan topik yang dipelajari pada hari tersebut. Selain itu juga, guru boleh menggunakan alat bantu mengajar seperti *flash card* bagi memudahkan pelajar memahami subjek Qiraat. Guru dan pelajar juga boleh membuat nota kecil Bersama-sama agar nota kecil tersebut boleh menjadi rujukan kepada pelajar dan dibawa kemana sahaja.

Secara kesimpulannya, minat pelajar dalam subjek Qiraat boleh dipertingkatkan dengan cara guru dan pelajar bersama-sama berganding bahu untuk memahami dan menguasai subjek Qiraat dalam tempoh masa yang singkat. Minat terhadap subjek Qiraat perlu ditanam dalam diri pelajar terlebih dahulu agar pelajar bersungguh-sungguh dan seronok untuk belajar Qiraat.



RUJUKAN

- Ahmad Junaidi Bin Mohamad Said. (2018). *Faktor Penguasaan Qirā'āt Al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (Kkq) Di Negeri Perak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Eadil Mat. 2010. *Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan dan keberkesanannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di daerah Gombak Selangor*: Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. 2017; 2018.
- Mohd Norzi bin Nasir, Mohd Nasiruddin bin Mohd Asri dan Mohd Ikram bin Mohd. 2018. *Elemen I'adah Hifz Al-Quran Pengajian Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat KUIS*
- Mohd Majid, K. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rahim Jusoh. 2001. *Pengenalan Ilmu Qiraat*: Kuala Lumpur: Mahsuri Timur.
- Portal Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <https://www.darulquran.gov.my/xs/index.php>
- Tembual pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1, Kelantan.